

Tentang PRULink Asia Managed Fund (PAMF)

A. Kemas kini strategi pelaburan

Untuk memberikan nilai secara berterusan kepada pelaburan anda di samping menggalakkan pengurusan dana yang mampan, kami akan memperkasakan strategi pelaburan **PRULink Asia Managed Fund (PAMF)**, di mana ekuitinya hanya melabur dalam Eastspring Investments (Singapore) Limited Asian Equity Fund (EIAEF) pada masa ini.

Peruntukan ekuiti PAMF akan dibahagikan sama rata kepada dua dana sasaran baharu – Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return (APTR) dan JP Morgan Asia Growth Fund (JPMAG). Kami percaya bahawa strategi pelaburan **PRULink Asia Managed (PAMF)** yang diperkasakan ini boleh menawarkan potensi prestasi dana yang lebih baik melalui pemilihan stok dan peruntukan aset pelaburan yang fleksibel dalam jangka panjang.

Langkah memperkasakan strategi ini adalah selaras dengan penghuraian **PRULink Asia Managed Fund (PAMF)** yang tertera dalam Jadual 3 Polisi anda.

Oleh itu, tiada tindakan yang perlu anda ambil. Harap maklum.